

OH 2 SEP 2011

# KMM rancang wujudkan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mempunyai rancangan untuk mewujudkan negara Islam yang menyatukan Malaysia-Indonesia-Filipina.

Perdana Menteri berkata, KMM mempunyai hubungan dengan kumpulan tertentu di kedua-dua negara itu sebagai satu usaha menggulingkan kerajaan.

"Cita-cita mereka cukup besar tetapi tidak realistik," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai KMM selepas

merasmikan Kongres Pendidikan Melayu pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Awal bulan lalu, polis menangkap 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana didakwa terlibat dengan kegiatan KMM yang mengancam keselamatan negara.

Seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, ditahan di Indonesia berhubung kejadian pengeboman dua gereja di Jakarta dan sebuah kompleks membeli-belah yang dipercayai ada kaitannya dengan gerakan militan KMM.

Mengulas lebih lanjut pendedahan terbaru itu, Dr Mahathir berkata, kumpulan itu disifatkan lebih berbahaya kerana idealogi mereka berhaluan kanan.

"Malangnya, kami belum lagi boleh membuat pendedahan mengenai semuanya... saya sudah diberi maklumat tertentu berkaitan dengannya dan saya fikir ia amat serius," katanya.

Berdasarkan idelogi kumpulan itu, Dr Mahathir berkata mereka tidak memahami tuntutan Islam sebenar, meskipun kononnya berjuang berlandas syiar Islam.

"Kalau kita bercakap berkenaan dengan persaudaraan dalam Islam dengan mereka, tuntutan Islam dia tak faham. Dia cakap nak bersaudara apa... ini kafir, ini Dr Mahathir kafir, Firaun dan Dajal.

"Semuanya ada dalam buku, dia terbit buku. Dia panggil saya anjing dalam Internet, dia panggil saya Dajal. Jadi, apabila budak-budak ini baca macam mana kerajaan dipimpin oleh Dajal, mana boleh kita boleh sokong kerajaan, jadi kena lawanlah," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ada sesetengah mereka menjadi begi-

## negara Islam

tu marah sampai sanggup menggunakan senjata untuk menjatuhkan kerajaan.

"Dia bukan ambil kira boleh atau tidak, realistik atau berjaya kepada mereka tidak penting," katanya.

Beliau juga berkata, ada sesetengah mereka percaya cara menjatuhkan kerajaan melalui demo-krasi pilihan raya.

"Tapi setengahnya, dalam apa-apa kumpulan ada pemikiran yang luas, ada haluan kiri dan kanan. Ektremis kanan ini sudah sampai ke satu peringkat untuk menjatuhkan kerajaan dan satu-satunya cara ialah de-

ngan menentanginya.

"Sebab itu, kita tengok di negara Islam kalau ada satu kerajaan yang mahu mereka tentang, mereka anggap kononnya orang ini tidak Islam," katanya.

Mengenai bentuk tindakan yang akan diambil beliau berkata, semua pihak perlu membantu bagi memastikan masa depan generasi muda ini tidak diracuni pemikiran seperti itu.

"Yalah, kita nak ambil tindakan... kita nak juga sokongan media. Nanti *press* (akhbar) dengan Suhakam kata ini tidak adil. Masa Suhakam pun dulu berku-

asa, masa Memali, apa semua itu Suhakam punya kerja... laa ni kita dok tanggung biawaknya, bukan Suhakam itu biawak, tapi kes Marnali itu," katanya secara berseloroh.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, setakat ini, kerajaan mengenal pasti kumpulan berkenaan bukan saja membabitkan pelajar universiti tempatan, malah luar negara.

Katanya, sesetengah mereka pergi ke beberapa negara yang berperang seperti Afghanistan untuk membina rangkaian perhubungan dengan puak jihad di negara itu.